

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENTERNAKAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang untuk sektor penternakan?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk mencapai sasaran penambahbaikan ini?
- c) Berikan beberapa contoh projek dikategorikan cemerlang yang telah dicapai.

JAWAPAN:

- a) Penambahbaikan jangka pendek untuk sektor penternakan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

Penambahbaikan	Tujuan	Skop
Transformasi projek ternakan ruminan	Meningkatkan produktiviti dan daya saing projek penternakan ruminan	Mengagihkan bantuan input-input penternakan seperti ternakan, peralatan, bahan binaan dan makanan ternakan.
Transformasi projek ternakan unggas dan bukan ruminan	Meningkatkan produktiviti dan daya saing projek penternakan unggas dan bukan ruminan	Mengagihkan bantuan input-input penternakan seperti ternakan, peralatan, bahan binaan dan makanan ternakan.
Transformasi projek industri asas ternak	Meningkatkan produktiviti dan daya saing projek industri asas ternak	Mengagihkan bantuan input-input pusat pemprosesan seperti peralatan, bahan binaan, bahan mentah dan pembungkusan.
Penternakan Mesra Alam	Menggalakkan kelestarian projek penternakan	<ol style="list-style-type: none"> i. Menganjurkan kempen bagi penternakan tentang kepentingan dan kaedah penternakan mesra alam. ii. Kajian tentang penternakan mesra alam. iii. Mengeluarkan dan memasarkan kepada penternak produk-produk

Penambahbaikan	Tujuan	Skop
		efektif mikrob (EM) yang mampu mengurangkan gejala pencemaran.
Pembangunan Kompetensi Usahawan	Meningkatkan pengetahuan usahawan penternakan dan industri asas tani	i. Menganjurkan latihan tentang teknologi baharu dan ulangkaji asas penternakan bagi penternak dan usahawan industri asas ternak.
Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan	Meningkatkan mutu ternakan tempatan	i. Pembiakan ternakan ruminan secara pernian beradas dengan benih ternakan bermutu tinggi. ii. Mengagihkan peralatan dan bahan pembiakan bagi membantu penternak melakukan sendiri pembiakan secara pernian beradas.

Penambahbaikan jangka panjang yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Penambahbaikan	Tujuan	Skop
Penempatan semula (Translokasi) penternak lembu, kerbau, kambing dan bebiri yang menghadapi masalah kawasan menternak	Menyelesaikan isu kacau ganggu akibat ternakan berkeliaran dan pencemaran berpunca daripada projek penternakan	i. Mengutamakan penternak yang mengamalkan sistem lepas bebas. ii. Mengutamakan penternak yang telah menerima notis tutup.
Pembangunan projek makanan ternakan	Mengurangkan kos pengeluaran penternakan ruminan dan menggalakkan penternakan secara intensif	Penanaman tumbuh-tumbuhan yang sesuai sebagai makanan ternakan seperti jagung, HBG, sorghum, azola dan sebagainya secara kerjasama dengan pihak swasta.
Pembangunan projek penternakan secara klusterisasi	Mewujudkan projek-projek penternakan baharu dan menyusun semula kedudukan projek-projek sedia ada ke tempat yang lebih	Mewujudkan kluster-kluster baharu untuk lembu, kambing, bebiri, ayam dan arnab di seluruh Selangor.

Penambahbaikan	Tujuan	Skop
	sesuai supaya berdaya saing dan lestari	
Penekanan kepada aspek pengeluaran induk bermutu tinggi dan pengeluaran ternakan pengganda	Meningkatkan populasi ternakan bernilai tinggi (<i>high value animal</i>)	i. Pembiakan ternakan secara permanian beradas dengan benih ternakan bermutu tinggi ii. Mewujudkan ladang-ladang pengganda komersial dan semi komersial

b) Peruntukan yang disediakan untuk mencapai sasaran penambahbaikan ini adalah seperti berikut:

Penambahbaikan	Belanja (Sebenar) 2018 (RM)	Peruntukan 2019 (RM)	Peruntukan (Anggaran) 2020 (RM)
Transformasi projek ternakan ruminan	876,957	993,000	725,000
Transformasi projek ternakan unggas dan bukan ruminan	347,227	650,000	350,000
Transformasi projek industri asas ternak	381,283	724,000	435,000
Penternakan Mesra Alam	19,800	620,000	20,000
Pembangunan Kompetensi Usahawan	98,107	100,000	100,000
Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan	212,495	280,000	290,000
Penempatan semula (Translokasi) penternak lembu, kerbau, kambing dan bebiri yang menghadapi masalah kawasan menternak	319,700	1,560,300	Bergantung keluasan kawasan baharu yang diluluskan
Pembangunan projek makanan ternakan	-	Inisiatif swasta	Inisiatif swasta
Pembangunan projek penternakan secara klusterisasi	-	Bergantung keluasan kawasan baharu	Bergantung keluasan kawasan baharu

c) Contoh projek-projek dikategori cemerlang yang telah dicapai:

Nama	Keterangan projek	Pengiktirafan
Siti Fatonah binti Arbain (Akademi MJ Fatonah Sdn. Bhd.)	Menternak 80 ekor lembu fidlot, 100 ekor kambing dan pelbagai jenis ternakan serta unggas lain bagi menyokong aktiviti latihan swasta di Akademi MJ Fatonah, Kg. Teluk Penyamun, Kuala Selangor	Anugerah Penternak Jaya Peringkat Kebangsaan 2014 dan Anugerah Khas Perdana Menteri 2014
Saipol Azmir bin Zainuddin	Menternak 800 ekor lembu, 50 ekor kerbau dan 150 ekor kambing secara intensif di Kg. Endah, Kuala Langat	Anugerah Peladang Jaya Peringkat Kebangsaan 2015
Dato' Hj. Haris bin Embong (Arisprop Holding Sdn. Bhd.)	Menternak 80,000 ekor ayam kampung kacukan di Tanjung Dua Belas, Kuala Langat dan menjalankan loji pemprosesan burger pelbagai rasa dengan pengeluaran 4 tan sebulan di Inkubator IATn Jabatan Perkhidmatan Veterinar N. Selangor, Shah Alam	Anugerah Penternak Jaya Peringkat Negeri Selangor 2017
Dato' Hj. Ishak bin Mat Arif	Menternak 1,000,000 ekor ayam pedaging di Sg. Panjang, Sabak Bernam	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN JKM

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua penerima bantuan kebajikan yang terkini di DUN Permatang serta jenis dan jumlah amaun bantuan yang diterima oleh mereka setiap bulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor menyalurkan bantuan kebajikan kepada golongan sasaran yang berkeperluan dan berkelayakan melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Berdasarkan statistik jumlah penerima bantuan kebajikan sama ada Skim Bantuan Persekutuan dan Negeri di seluruh Negeri Selangor adalah seramai **41,935 orang**. Sebahagian penerima bantuan tersebut adalah DUN Permatang yang mempunyai seramai **467 orang dengan jumlah perbelanjaan bulanan sebanyak RM154,800.00**. Berikut adalah senarai penerima bantuan kebajikan di DUN Permatang seperti di lampiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENERIMA BANTUAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua penerima bantuan kebajikan yang terkini di DUN Permatang serta jenis dan jumlah amaun bantuan yang diterima oleh mereka setiap bulan daripada Lembaga Zakat Selangor.

JAWAPAN:

- a) Maklumat berkaitan senarai penerima bantuan tidak dapat dikemukakan berikutan Lembaga Zakat Selangor (LZS) tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA). Bagaimanapun, untuk makluman jumlah keseluruhan asnaf fakir, miskin dan muafak yang berdaftar di LZS bagi DUN Permatang adalah seramai 981 keluarga.

Senarai bantuan yang diberikan kepada asnaf di DUN Permatang dari bulan Januari-Jun 2019 adalah seperti di lampiran:

LAMPIRAN

***PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF YANG BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR BAGI DUN PERMATANG DARI JANUARI-JUN 2019**

BIL	JENIS BANTUAN	FAKIR		MISKIN		MUALLAF		GHARIM		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
1	Bantuan Makanan Bulanan	65	11,891.21	269	66,231.05					334	78,122.26
2	Bantuan Kewangan Bulanan	88	199,450.00	309	732,450.00	14	25,400.00			411	957,300.00
3	Bantuan Sewa Rumah	11	21,400.00	88	158,620.30	7	17,300.00			106	197,320.30
4	Bantuan Dialisis	3	35,340.00	11	110,297.00	0	-	38	396,659.56	52	145,637.00

Nota:

- i. Data belum diaudit
- ii. Terdapat penerima yang menerima lebih daripada satu jenis bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : TAPAK MASJID DAN SURAU YANG TELAH DIGAZETKAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah tapak yang telah digazetkan di daerah Kuala Selangor khususnya di DUN Permatang?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tapak masjid dan surau yang telah digazetkan di daerah Kuala Selangor khususnya di DUN Permatang adalah seperti berikut:-

MASJID / SURAU	WARTA	HAK MILIK	DALAM SEMAKAN
MASJID	4	0	1
SURAU	1	2	6

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan permohonan yang telah diterima untuk semua sekolah di dalam DUN Permatang.
- b) Nyatakan jumlah amaun yang telah diluluskan untuk setiap satu permohonan tersebut bermula dari tahun 2017-2019.

JAWAPAN:

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA (BPSM), SUK**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENJAJARAN PROGRAM INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR)

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab utama penjajaran program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dilaksanakan di saat rakyat sedang dihimpit dengan kos sara hidup yang tinggi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menyemak semula program TAWAS yang telah dihapuskan sebelum ini?

JAWAPAN:

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN SEKTORAL, UPEN

a)

YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

- b) Lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Retreat Y.B. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 31 Mac 2019 – 2 April 2019 di Casa Del Rio Melaka yang mahu Kerajaan Negeri membina kerjasama dengan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bagi program baru menggantikan TAWAS iaitu Amanah Saham Anak Selangor (ANAS). Walau bagaimanapun kerjasama tersebut tidak dapat dilaksanakan berikutan ketiadaan unit dana harga tetap ASNB.

Pengurusan YAWAS kini sedang mencari dan mengkaji mekanisme-mekanisme lain untuk ditawarkan bagi menggantikan TAWAS pada awal tahun depan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PELANCONGAN

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah sebenar kemasukan pelancong luar negara ke Selangor tahun 2018 & 2019?
- b) Apakah manfaat ekonomi yang Selangor perolehi daripada pelancong luar?
- c) Berikan statistik berkaitan pelancong domestik di Selangor dan berapa jumlah nilai ekonomi pelancong domestik?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Kedatangan Pelancong Luar Negara ke Negeri Selangor bagi **Tahun 2018** adalah sebanyak **3.2 juta orang pelancong**.

Untuk makluman, bagi **Tahun 2019** ini Laporan Statistik kedatangan Pelancong yang telah dikeluarkan adalah bagi tempoh **Januari hingga Mac 2019** (Suku Tahun Pertama) 2019 kerana Pelaporan Statistik Kedatangan Pelancong bagi tempoh April hingga Jun (Suku Tahun Kedua) 2019 masih di dalam proses pengumpulan data dan Laporan akan dikeluarkan pada bulan Ogos 2019 ini.

Jumlah Kedatangan Pelancong Luar Negara ke Negeri Selangor bagi tempoh **Januari hingga Mac (Suku Tahun Pertama) 2019** adalah sebanyak **795,627 orang pelancong**.

- b) Pada tahun 2017 Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan kutipan cukai pelancongan kepada para pelancong asing yang menginap di premis penginapan pelancongan di seluruh Negara berkuatkuasa pada **1 September 2017**. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan telah menetapkan sebanyak **50%** daripada hasil kutipan cukai tersebut akan dikongsikan bersama Kerajaan-Kerajaan Negeri agar ianya mampu membantu pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri meningkatkan lagi agenda pelancongan di Negeri masing-masing.

Bagi kutipan hasil cukai pelancongan Negeri Selangor bagi tahun 2018, jumlah kutipan cukai pelancongan adalah sebanyak **RM20.6 juta** dan Kerajaan Persekutuan telah membuat agihan **50%** daripada kutipan cukai tersebut kepada Kerajaan Negeri Selangor pada penghujung bulan Mac 2019 yang lalu sebanyak **RM10.3 juta**. Untuk pengetahuan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri, agihan hasil cukai pelancongan tersebut merupakan yang ketiga tertinggi berbanding Negeri-Negeri lain di Malaysia.

Manfaat ekonomi dapat dirasai secara terus kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan seperti penggiat industri perhotelan dan pengusaha produk-produk pelancongan namun ia turut akan dirasai secara tidak langsung kepada pengusaha industri kecil dan penduduk tempatan dimana pelancong akan turut berbelanja kepada komponen perbelanjaan lain seperti makanan, pengangkutan tempatan dan membeli belah.

- c) Statistik pelancong domestik ke Negeri Selangor untuk **Tahun 2018** adalah sebanyak **4,015,068 orang pelancong**. Manakala Jumlah Kedatangan Pelancong ke Negeri Selangor bagi tempoh **Januari hingga Mac (Suku Tahun Pertama) 2019** adalah sebanyak **916,199 orang pelancong**.

Nilai ekonomi atau *receipt* pelancong domestik Negeri Selangor bagi tahun 2018 adalah sebanyak **RM2.39 Billion** (*berdasarkan purata perbelanjaan pelancong sebanyak RM595*).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : SUKAN

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor kini tertinggal dalam bidang sukan khususnya kepada Negeri Terengganu dan Johor. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk kembali menjadi jaguh dalam sukan bola sepak, sukan air, padang dan balapan?

JAWAPAN:

- a) Perancangan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor adalah dengan merangka program pembangunan sukan dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri khususnya dalam membangunkan sukan di peringkat akar umbi.

Antara program-program yang dijalankan adalah Pusat Latihan Majlis Sukan Daerah (PLMSD) bagi sukan padang dan balapan manakalan Akademi Bolasepak Merah Kuning dilaksanakan di semua daerah Negeri Selangor.

Pusat Latihan Majlis Sukan Daerah pada masa ini mempunyai sebanyak 36 pusat latihan dari pelbagai jenis sukan di daerah masing-masing dan 7 pusat latihan daripadanya adalah sukan balapan dan padang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : ALAM SEKITAR

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pencemaran air, udara serta alam sekitar membimbangkan rakyat. Apakah perancangan serta kawalan yang sedang dibuat serta perancangan bagi mengawal agar tidak akan berlaku pencemaran alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Fungsi utama Jabatan Alam Sekitar adalah untuk mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memulihara alam sekitar selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Pelaksanaan fungsi dan peranan ini adalah melalui Bahagian-bahagian yang terdapat di Jabatan Alam Sekitar. Antara Bahagian-Bahagian tersebut adalah Bahagian Operasi, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Peranan JAS melalui bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:
- i. Melaksanakan program penguatkuasaan dan memastikan punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dipatuhi sepenuhnya;
 - ii. Memproses Laporan Penilaian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA);
 - iii. Memberi input dan nasihat kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam perancangan projek pembangunan;
 - iv. Menjalankan siasatan aduan pencemaran alam sekitar;
 - v. Melaksanakan program pengawasan kualiti alam sekitar; dan
 - vi. Melaksanakan dan mempromosi program kesedaran dan pendidikan kepada pihak-pihak berkenaan;

Untuk tempoh jangka panjang JAS sedang dalam proses untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam akta sedia ditambahbaik termasuklah menaikkan kadar hukuman dan denda yang dikenakan pesalah alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SMART TAHFIZ UNISEL

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah had pelajar bagi setiap sesi pengambilan?
 - b) Berapakah jumlah keseluruhan pelajar mengikut tahun 2016 sehingga kini?
 - c) Berapakah jumlah pelajar yang berjaya menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi mengikut bidang pengajian dan institut?

JAWAPAN:

- a) Smart Tahfiz Masjid UNISEL boleh menampung sehingga 120 orang pelajar lelaki setiap kali pengambilan pelajar baru.
- b) Jumlah pelajar :

2017	:	48 orang
2018	:	120 pelajar
2019	:	120 pelajar (belum selesai)
Jumlah	:	288 pelajar
- c) Mengikut rekod, berikut adalah pecahan pelajar yang menyambung pelajaran selepas tamat pengajian di Smart Tahfiz UNISEL:
 - 1. UNISEL 15 orang (bidang pendidikan Islam, TESL, Asasi, dan Pengurusan Pentadbiran);
 - 2. KUIS 60 orang (Pengajian Islam);
 - 3. USIM 1 orang (Asasi Syariah Undang-Undang);
 - 4. UiTM 3 orang;
 - 5. IPG Alor Star 1 orang (Pendidikan);
 - 6. UIA 1 orang (Asasi Kejuruteraan);
 - 7. Rusia 1 orang (Perubatan);
 - 8. USAS 1 orang (Pengajian Islam);
 - 9. UNISHAMS 1 orang (Pengajian Islam);
 - 10. Politeknik 1 orang;
 - 11. Turki 1 orang (basaksehir arap dili islami ilimer akademisi);
 - 12. Selebihnya bekerja dengan keputusan SPM yang mereka ada (imam).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : GERAJ KERAJAAN NEGERI SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf gerai-gerai PBT/Pejabat Daerah dan Tanah ke tahap yang lebih kondusif?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menetapkan satu "*standard design*" dalam membina gerai-gerai milik kerajaan pada masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT menyambut baik hasrat atau cadangan untuk menaiktaraf gerai-gerai di bawah pengurusan PBT ke tahap yang lebih kondusif, bersih dan selamat serta kerja-kerja naiktaraf dilakukan secara berperingkat dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing.
- b) Tiada reka bentuk atau piawaian bagi pembinaan gerai dan reka bentuk adalah bergantung kepada keluasan tapak dan keputusan mesyuarat teknikal/penyelarasan reka bentuk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PUSAT PELANCONGAN PELABUHAN KLANG

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan Pekan Pelabuhan Klang yang kini seperti pekan tinggal kepada pusat pelancongan yang baru?
- b) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Pekan Pelabuhan Klang mempunyai potensi untuk dibangunkan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Klang dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Ini kerana, Pekan Pelabuhan Klang akan menerima impak daripada cadangan pembangunan di bawah segmen 'Kluster Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim' yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN Selangor telah meletakkan kawasan Pelabuhan Klang sebagai salah satu segmen di bawah 'Kluster Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim' di mana Tourism Selangor bersama agensi lain telah menetapkan hala tuju kluster ini seperti berikut :
 - 1. Menyediakan dan melaksanakan *Port City Development Master Plan*
 - 2. Menyelaraskan bidang kuasa PBT dan Pihak Berkuasa Pelabuhan dari aspek penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan asas
 - 3. Menetapkan 'zoning' sebagai 'Sea Fronting Land' untuk "Port Related Activities" seperti pergudangan, depoh kontena kosong dan *haulier yard*
 - 4. Menambah baik infrastruktur di kawasan Pelabuhan Klang dan Pekan Pelabuhan Klang
 - 5. Menambah baik *connectivity* KLIA – Pelabuhan Klang
 - 6. Menjadikan kawasan pelabuhan sebagai "Smart Integrated Logistic Hub"
 - 7. Menggabungkan pelan tindakan dan pelaksanaan SMG seiring dengan pembangunan pelabuhan dan kawasan sekitar.

Kawasan Pekan Pelabuhan Klang mempunyai masa hadapan dalam aspek tenaga kerja, pelaburan, pelancongan dengan beberapa pelan perancangan di bawah Kluster ini merangkumi :

1. Cadangan penubuhan *Regional Maritime Centre* dan Pembangunan Universiti Maritim – *skilled and semi-skilled, innovation to industry*
2. Menaik taraf fasiliti pelancongan cruise di Bousted Cruise Centre sebagai *Main Water Gateway* ke Selangor:
 - a) Mewujudkan perkhidmatan Teksi Air, klinik, restoran & muzium.
 - b) Mewujudkan pusat kebudayaan
 - c) Menaik taraf Bousted Cruise Centre
 - d) Pusat Informasi Pelancongan Negeri Selangor
 - e) Pusat Penjualan Kraf - "*MADE IN SELANGOR*"

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : USAHAWAN KECIL NEGERI SELANGOR

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memperkenalkan kursus untuk usahawan kecil? Mohon senaraikan nama kursus dan bilangan penyertaan.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memberikan ruang dan peluang kepada usahawan kecil bagi membawa produk mereka ke peringkat yang lebih tinggi?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan kelebihan kepada peserta-peserta daripada Pusat Wanita Berdaya (PWB) untuk memohon bantuan perniagaan seperti Skim Mikrokredit Usahawan dan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan?

JAWAPAN:

- a) Setiap tahun Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan ada menyediakan pelbagai jenis kursus untuk usahawan. Tawaran kursus ini adalah terbuka kepada semua usahawan di Negeri Selangor. Setiap sesi kursus akan di tawarkan kepada 50-100 usahawan sahaja. Tawaran tempat adalah terhad mengikut kesesuaian usahawan dan jenis kursus yang ditawarkan dan bagi memastikan keberkesanan impak kursus kepada peserta. Berikut merupakan jenis kursus yang ditawarkan kepada usahawan bagi tahun 2019:

Bil	Nama kursus/seminar	Peserta	Catatan
1.	Bengkel <i>Facebook Beginner & Teknik Asas Fotografi – Smartphone</i> Untuk Pemasaran	50 orang	Telah laksana
2.	Seminar Peningkatan Jualan Melalui Online “Revolusi Perniagaan Internet”	50 orang	Telah laksana
3.	Bengkel <i>Advance Smartphone Photo And Videography Editing</i>	50 orang	Telah laksana
4.	Kursus <i>Advance Facebook Marketing – Targeting Strategies</i>	50 orang	Telah laksana
5.	Kursus (Insken)- Melonjakkan Jualan Dengan Pengesahan Pasaran Yang Berkesan - <i>Product And Market Validation</i>	30 orang	Telah laksana

Bil	Nama kursus/seminar	Peserta	Catatan
6.	Kursus Pengurusan Perniagaan Dan Kewangan Kepada Peniaga Kecil & Sederhana	60 orang	Telah laksana
7.	Taklimat Elakkan Disenaraihitam	80 orang	Telah laksana
8.	Perundangan Syarikat Kepada Peniaga Kecil Dan Sederhana	60 orang	Belum laksana
9.	Kursus Strategi Pemasaran " <i>Business Model Canvas (Bmc)</i> " 2019	100 orang	Belum laksana
10.	Bengkel Mangkin Keusahawanan Diri (MKD)	100 orang	Belum laksana
11.	Kursus Women In Business Leadership (Roses) Bersama We Initiative	50 orang	Belum laksana

- b) Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah dana setiap tahun bagi memperkasakan dan melahirkan usahawan berjaya di dalam Negeri Selangor. Program sebegini adalah usaha untuk memberi *value added* kepada produk tempatan agar dapat meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke pasaran antarabangsa (*market penetration and expansion*). Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri mengadakan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor (MIS)* kepada usahawan yang sudah bersedia untuk mempertingkatkan mutu pembungkusan dan pensijilan produk. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, rekabentuk jenama, pendaftaran jenama (*MyIPO*) dan cetakan pembungkusan yang diperbaharui.

Selain itu, bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran terhadap produk usahawan di Negeri Selangor Kerajaan Negeri turut mengadakan ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan *platform* promosi dengan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* dan *Selangor International Expo (SIE)* dan usahawan yang berkeelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

Pada tahun ini, buat kali ketiga (3) Kerajaan Negeri akan menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* pada 19-23 September 2019

di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R.China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang merupakan badan yang berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia. Pada tahun 2019, seramai 10 usahawan yang mempunyai produk yang boleh dikembangkan ke pasaran luar telah dipilih mewakili Negeri Selangor.

- c) **Program Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)** diberikan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan menikmati manfaat daripada bantuan ini.

Setiap daerah diperuntukkan sebanyak RM250,000.00 untuk program bantuan DUMS. Setiap pemohon yang menepati syarat dan kelayakan yang ditetapkan berpeluang untuk dipertimbangkan untuk menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:-

- i. Rakyat Negeri Selangor atau pun yang telah bermastautin lebih daripada 10 tahun;
- ii. Perusahaan dijalankan di Negeri Selangor;
- iii. Berumur antara 18 – 55 tahun;
- iv. Nilai jualan kurang daripada RM300,000.00 atau bilangan pekerja 2-5 orang;
- v. Perusahaan telah dan masih beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
- vi. Perusahaan dijalankan sepenuh masa; dan
- vii. Perusahaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Manakala **Program Bantuan *Blueprint*** Pembasmian Kemiskinan merupakan sebahagian daripada empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Kerajaan Negeri Selangor untuk mengupayakan masyarakat keluar daripada kitaran kemiskinan. Program ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi.

Matlamat utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Program bantuan ini terbuka kepada semua pemohon yang

menepati syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Pada masa ini, peserta daripada PWB adalah layak memohon dan penyertaan mereka amatlah dialu-alukan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PRESTASI JABATAN PENGUATKUASAAN PBT

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kekuatan/kelemahan dan strategi untuk meningkatkan prestasi Jabatan Penguatkuasaan PBT?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini, tugas dan tanggungjawab anggota di Jabatan Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semakin mencabar. Skop tugas Jabatan Penguatkuasaan PBT termasuk membantu dalam menangani masalah bencana perbandaran seperti banjir kilat, ribut dan pokok tumbang, kemalangan dan kebakaran melalui anggota skuad PANTAS. Isu pembuangan sampah haram di tanah persendirian dan juga tanah rezab juga telah menjadi tugas utama Jabatan Penguatkuasaan PBT bersama agensi/ jabatan dalaman di samping tugas rutin yang lain. Antara kekangan yang dihadapi untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan adalah kekurangan perjawatan pegawai/ anggota penguatkuasaan kerana kawasan PBT yang luas. Oleh yang demikian strategi yang dilaksanakan bagi memastikan tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan adalah memberi tumpuan utama di lokasi-lokasi yang berisiko tinggi dan membuat siasatan segera apabila menerima aduan awam.

Prestasi jabatan boleh ditingkatkan dengan kaedah berikut :

- i) **Melaksanakan latihan kemahiran secara konsistant**
Pegawai/ anggota diwajibkan menghadiri latihan dan kursus asas yang berkaitan penguatkuasaan dan ujian kemahiran untuk kenaikan pangkat atau anugerah prestasi.
- ii) **Pembelajaran berkaitan peraturan/ undang-undang semasa secara berterusan**
Perkembangan dan perubahan arus keperluan/ kehendak masyarakat perlu diselaraskan dengan perkembangan peraturan/ undang-undang semasa agar keharmonian dan kelestarian kehidupan dapat diseimbangkan.

iii) **Keperluan logistik dan peralatan yang terkini dan lengkap**

Tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya kelengkapan logistik dan peralatan masih ketinggalan kebelakang untuk mencapai visi kelestarian Perbandaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PEMERKASAAN PERPUSTAKAAN AWAM

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah semua jenis perpustakaan awam kerajaan dan senaraikan secara terperinci iaitu nama/lokasi/pihak yang mengurus/luas/bilangan buku rujukan dan bahasa di seluruh Negeri Selangor?
- b) Apakah strategi, pelan dan polisi Kerajaan Negeri bagi memperkembangkan dan memodenisasikan perpustakaan agar budaya membaca, mengkaji dan menyelidik di kalangan awam lebih tinggi dan berkualiti?

JAWAPAN:

a)

Daerah	Kategori Perpustakaan						Jumlah
	Pusat	Daerah	Cawangan	Pekan	Desa	Bergerak	
Petaling	1	-	-	3	3	7	14
Klang	-	1	1	1	4	-	7
Kuala Langat	-	1	-	-	9	1	11
Kuala Selangor	-	1	1	1	11	-	14
Sabak Bernam	-	1	-	2	22	1	26
Hulu Langat	-	1	1	3	7	-	12
Hulu Selangor	-	1	-	1	7	-	9
Gombak	-	1	1	-	2	-	4
Sepang	-	-	-	1	6	-	7
Jumlah	1	7	4	12	71	9	104

Berikut adalah senarai perpustakaan Daerah di seluruh Negeri Selangor:-

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
1	Pustaka Raja Tun Uda Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13 40100 Shah Alam Selangor DE.	Perpustakaan Negeri Daerah Petaling	PPAS	203,600
2	Perpustakaan Sultan Abd Samad	Daerah	PPAS	26,775

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
	Jalan Morib 42700 Banting	Kuala Langat		
3	Perpustakaan Syed Mashor 44000 Kuala Kubu Bharu	Daerah Hulu Selangor	PPAS	26,649
4	Perp. Daerah Sabak Bernam Jalan Pejabat Daerah 45300 Sungai Besar	Daerah Sabak Bernam	PPAS	26,775
5	Perpustakaan Daerah Gombak Persiaran Pegawai Bandar Baru Selayang 68100 Batu Caves	Daerah Gombak	PPAS	29,649
6	Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9 43650 Bandar Baru Bangi	Daerah Hulu Langat	PPAS	25,000
7	Perpustakaan Daerah Kuala Selangor Tingkat 2 & 3, Kompleks PKNS Kuala Selangor Jalan Perusahaan 1 45000 Kuala Selangor	Daerah Kuala Selangor	PPAS	15,918
8	Perpustakaan Daerah Klang Jalan Tengku Kelana 41000 Klang	Daerah Klang	PPAS	6,627

Perpustakaan yang telah dinaik taraf menggunakan konsep 'Rebranding'

- i) Pustaka Raja Tun Uda dan Daerah Gombak : Telah di naik taraf
- ii) Perp. Daerah Sabak Bernam, Daerah Kuala Langat & Hulu Selangor:
Proses naik taraf
- iii) Perp Daerah Hulu Langat: Dalam proses naik taraf najet 2019
- iv) Kuala Selangor : Bajet 2020
- v) Klang : Belum di naik taraf
- vi) Sepang : Belum ada Perpustakaan Daerah

Berikut adalah senarai perpustakaan Cawangan di seluruh Negeri Selangor:-

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
9	Perpustakaan Cawangan Kajang No 13 Jalan Metro Avenue 1,	Cawangan	PPAS	5,104

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
	Metro Avenue, 43000 Kajang, Selangor			
10	Perp. Cawangan Tanjong Karang Tingkat 2, Wisma PPAS 45500 Tanjong Karang	Cawangan	PPAS	23,764
11	Perpustakaan Cawangan Rawang No 2, Jalan RP 4/1 Bandar Rawang Perdana 48000 Rawang	Cawangan	PPAS	3,650
12	Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya Jalan Pandan 4, Pandan Jaya 68000 Ampang, Selangor	Cawangan	PPAS	5,500
13	Perpustakaan Komuniti Sg Udang Lorong Telok Gadung 2 Taman Emas, Sungai Udang 41250 Klang.	Cawangan	PPAS	6,500
14	Perp. Cawangan Pelabuhan Klang Jalan Pekeliling, Seksyen 7 Bandar Pelabuhan Klang 42000 Pelabuhan Klang	Cawangan	PPAS	3,300



Perpustakaan yang telah dinaiktaraf menggunakan konsep 'Rebranding'

Berikut adalah senarai perpustakaan Pekan di seluruh Negeri Selangor:-

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
15	Perp. Pekan Sungai Pelek 26, Jalan Sungai Pelek Kampung Baru 43950 Sungai Pelek, Sepang	Pekan	PPAS	5,610
16	Perpustakaan Pekan Sekinchan Jalan Dewan Sri Sekinchan 45400 Sekinchan	Pekan	PPAS	3,100
17	Perp. Pekan Semenyih Jalan Besar 43400 Semenyih Kajang	Pekan	PPAS	2,500
18	Perpustakaan Pekan Hulu Bernam Jalan Besar Hulu Bernam	Pekan	PPAS	3,724

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
	35900 Tanjung Malim			
19	Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront Jalan AWF , Ampang Waterfront, 68000 Ampang, Selangor	Pekan	PPAS	3,500
20	Perpustakaan Komuniti Sri Manja No 15, Jalan PJS 3/32, Taman Sri Manja, Bt 6 ½ , Off Jalan Klang Lama 46150 Petaling Jaya, Selangor	Pekan	PPAS	1,650
21	Perpustakaan @PJKita Community Library, Kg Lindungan No Lot 62231, Jalan PJS 6/3B Kg Lindungan Petaling Jaya, Selangor	Pekan	PPAS	3,930
22	Perpustakaan Dataran Sabak Bernam Jalan Syed Hashim, 45200 Sabak Bernam	Pekan	PPAS	7,042
23	Perp. Pekan Batang Berjuntai No. 31A, Jalan Berjuntai 3, Pusat Perniagaan Batang Berjuntai 45600 Kuala Selangor	Pekan	PPAS	2,905



- Perpustakaan yang telah dinaik taraf menggunakan konsep 'Rebranding'

Berikut adalah senarai perpustakaan Desa di seluruh Negeri Selangor:-

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
24	Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung JMB Apartment Mawar Rumah Apartment Mawar Tingkat Bawah Apartment Mawar, Bukit Beruntung , Hulu Selangor	Desa	PPAS	711.5
25	Perpustakaan Komuniti Sri Perantau L-G-2, Blok L, Pangsapuri Sri Perantau 42000 Pelabuhan Klang, Selangor	Desa	PPAS	690
26	Perp. Desa Meru Dewan Serbaguna Meru	Desa	PPAS	741

Bil.	Nama Perpustakaan & Alamat	Perpustakaan	Pengurusan	Keluasan (KPS)
	Pekan Meru 41050 Klang			
27	Perp. Desa Pulau Indah Kampung Teluk Nipah 42920 Pel. Klang	Desa	PPAS	1,500
28	Perp. Desa Bukit Kapar Taman Sri Cerakah Bukit Kapar Timur 42000 Kapar	Desa	PPAS	1,250
29	Perp. Desa Sijangkang Balai Serbaguna, Batu 1, Kg. Sejangkang 42500 Telok Panglima Garang Kuala Langat.	Desa	PPAS	1,080
30	Perp. Desa Olak Lempit Kampung Olak Lempit 42700 Banting	Desa	PPAS	1,500

- Perpustakaan yang telah dinaik taraf menggunakan konsep 'Rebranding'

